

bah

Mahathir - Vietnam

PATUHI PRINSIP UNTUK SELESAI TUNTUTAN DI LAUT CHINA SELATAN, KATA PM
Daripada K.C. Leong

I

TOKYO, 12 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pihak yang terlibat dalam tuntutan di Laut China Selatan hendaklah mematuhi prinsip bagi menvelesaikan perkara itu dan tidak mengadakan syarat-syarat baru setelah prinsip itu dipersetujui.

Perdana Menteri menyatakan pendapatnya itu kepada Timbalan Perdana Menteri Pertama Vietnam Phan Van Khai yang mengunjungi beliau di Hotel Okura di sini hari ini.

Dr Mahathir yang tiba di sini semalam untuk lawatan enam hari, dijadual menyampaikan ucapan dasar pada persidangan antarabangsa mengenai "Peranan Asia Dalam Perubahan Orde Dunia" yang bermula di sini petang ini.

Duta Malaysia ke Jepun, Datuk Mohamed Khatib Abdul Hamid yang memberi taklimat mengenai perjumpaan itu kepada wartawan Malaysia, berkata Dr Mahathir dan Khai bertukar-tukar pendapat mengenai keadaan di Asia Tenggara terutama isu tuntutan di Laut China Selatan.

Mereka bersetuju semda isu itu boleh diselesaikan melalui perundingan.
-- Lagi.

CNS905/12-43MST

U GB 12-05 00151 BA525

bah

Mahathir - Vietnam 2 Tokyo

Dr Mahathir berkata perundingan haruslah berdasarkan kepada prinsip dan prosedur yang dipersetujui dan apabila ia dipersetujui, pihak yang terlibat haruslah mematuhi dan tidak mengemukakan syarat-syarat baru.

"Sebagai contoh jika telah dipersetujui bahawa perundingan harus dijalankan berdasarkan aspek perundangan bagi menyelesaikan soal tuntutan itu, pihak yang terlibat tidak sepatutnya mengemukakan tuntutan berdasarkan sejarah," kata Mohamed Khatib, memetik kata-kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir juga berkata jika perundingan itu berdasarkan prinsip yang dipersetujui dan diterima, ia biasanya akan berjaya.

Mengenai perundingan dua hala tentang tuntutan bertindih antara Malaysia dan Vietnam di Laut China Selatan, Dr Mahathir memberitahu Khai bahawa beliau secara peribadi akan memberi perhatian kepada masalah itu dengan harapan dapat menvelesaikannya.

Katanya Malaysia berharap isu itu boleh diselesaikan melalui perundingan kerana ia satu perkara yang penting bagi hubungan di Asia Tenggara secara keseluruhannya. -- Lagi.

♥12/05/12-55MST

U GB 12-05 00145 BA526

bah

Mahathir - Vietnam 3 Tokyo

Terdahulu, Khai menyatakan kepada Dr Mahathir betapa gembiranya Perdana Menteri Vietnam Vo Van Kiet dengan lawatannya ke Malaysia pada Januari tahun lepas kerana Hanoi mengangqap hubungannya dengan Malaysia sebagai contoh bagi hubungan antara negara.

Berikutan lawatan itu, dan lawatan balas Dr Mahathir ke Vietnam pada April tahun lepas, terdapat beberapa bantuan dari Malaysia yang amat dihargai Hanoi.

Kini banyak pegawai yang ingin melawat Malaysia untuk mempelajari daripada pengalaman pembangunannya sehingga Hanoi bimbang bilangan yang banyak itu akan membebankan Malaysia.

Kerana itu Hanoi telah meminta menyatakan dengan khusus tujuan lawatan mereka itu, kata Mohamed Khatib.

Dr Mahathir berkata beliau menyambut baik dan akan menimbangkan sebarang permintaan dari Vietnam dalam bidang latihan. Beliau juga gembira dengan peningkatan hampir 100 peratus perdagangan antara kedua-dua negara sejak lawatan-lawatan itu. -- Lagi.

CNS9030

U GB 12-05 00169 BA527 *

bah

Mahathir - Vietnam 4 (Akhir) Tokyo

Eksport Malaysia ke Vietnam meningkat daripada RM9 juta pada 1987 kepada RM94 juta tahun lepas manakala import melompat daripada RM35 juta pada 1985 kepada RM278 juta tahun lepas.

Dr Mahathir juga berkata beliau yakin bahawa Vietnam dengan jumlah penduduk yang besar, buruh mahir dan rakyat yang dedikasi serta pengurusan dan organisasi yang baik akan menjadi sebuah negara yang amat berjaya dan kaya.

"Malaysia ingin melihat sebuah Vietnam yang kaya, makmur dan aman kerana kita tidak boleh berdagang dengan negara-negara miskin," katanya.

Perdana Menteri akan berucap mengenai "Perdagangan Dunia: GATT, Kumpulan dan Pertumbuhan" esok. Persidangan tiga hari itu dianjurkan oleh Persatuan Asia yang beribu pejabat di New York.

Pemimpin lain yang akan berucap pada persidangan itu termasuk Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong, Timbalan Perdana Menteri Korea Selatan Lee Kyung Shik, Timbalan Perdana Menteri Thai Dr Amnuay Viravan dan Perdana Menteri New Zealand James Bolger. -- Bernama.

LKC RON NM.

♥12/05/13-20MST